

Minyak boleh jadi senjata kukuhkan ekonomi

MELAKA 3 Okt. 2002

Negara-negara Islam sepatutnya menjadikan sumber kekayaan minyaknya sebagai senjata untuk kukuhkan ekonomi dalam berhadapan atau menekan pihak Barat serta kuasa-kuasa besar dunia, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Malangnya, tegas Perdana Menteri, pertikaian sesama negara Islam dan ketidakcekapan dalam mengurus sumber kekayaan-itu menyebabkan keadaan sebaliknya berlaku.

Menurut beliau, kewujudan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksporth Petroleum (OPEC) juga tidak banyak memberi faedah dalam memberi kekuatan kepada negara pengeluar minyak Islam.

"Walaupun ada OPEC tiada persepakatan dalam kesatuan itu. Jika ada keputusan mengatakan kurangkan pengeluaran, ada negara Islam lain sengaja meningkatkan pengeluarannya.

"Jika kita kurangkan pengeluaran, harga akan naik dan ia menjadi satu senjata yang boleh menekan negara-negara yang kuat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Ketiga di Tanjung Kling di sini hari ini.

Perdana Menteri seterusnya berkata, kelemahan negara-negara Islam dalam menguruskan kekayaan ekonomi menyebabkan kuasa-kuasa besar mengambil kesempatan menekan negara-negara berkenaan.

Sementara itu ketika berdialog dengan peserta konvensyen, Dr. Mahathir menegaskan, faktor Palestin ditindas bukan disebabkan oleh bangsa itu melakukan kesalahan sebaliknya berpunca daripada kelemahan bangsa itu menentang kezaliman Israel.

Sebenarnya, kata beliau, Israel lebih bersalah kerana merampas tanah rakyat Palestin.

Bagaimanapun, menurutnya, kekuatan yang ada pada Israel menyebabkan Palestin menjadi mangsa keganasan dan pada masa yang sama negara-negara Islam gagal melakukan apa-apa kerana tidak mempunyai kekuatan.

Sehubungan itu, beliau menyeru kepada dunia Islam supaya mempertingkatkan kekuatan ekonomi dengan bersandarkan kepada ilmu dan kemahiran sains dan teknologi.

Diceroboh

Dengan kekuatan yang ada, jelas beliau, negara-negara Islam tidak perlu bergantung kepada Barat atau kuasa-kuasa besar untuk membeli senjata atau membuat pinjaman kewangan.

Kekuatan yang ada, Dr. Mahathir menambah, bukan bertujuan menyerang mana-mana negara sebaliknya bagi mempertahankan kedaulatan negara dari dicerobohi kuasa-kuasa asing.

Sementara itu dalam ucapannya, Perdana Menteri menyifatkan dunia hari ini berpegang kepada kekuatan menghalalkan segala-galanya.

"Kita tidak boleh berharap kepada keadilan atau kepada belas kasihan orang. Tamadun Islam dan tamadun Melayu memang gemilang tetapi kegemilangan yang dahulu hanya mencerminkan ketidakgemilangannya zaman ini," katanya.

Menurutnya, jumlah penduduk yang ramai bukan satu jaminan kepada kekuatan satu-satu bangsa sekiranya tidak wujud perpaduan di kalangan mereka.

"Kita boleh berbangga umat Islam berjumlah 1.3 bilion dan etnik Melayu seramai 300 juta tetapi jumlah yang besar tidak menjamin kebebasan ummah dan tamadun.

"Orang China juga 1.3 bilion dan perpaduan serta kekuatan mereka berkali ganda lebih daripada umat Islam," jelasnya.

Dalam pada itu, pada sidang akhbarinya, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan membuat sebarang bantahan ekoran layanan buruk yang dilakukan oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) terhadap pemimpin negara.

"Saya tidak akan buat apa-apa bantahan. Itu negara orang. Kalau mereka tidak suka, kita jangan pergi," jelasnya.

Beliau mengulas permohonan maaf Kedutaan AS di Malaysia yang kesal layanan buruk yang dialami oleh Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika melawat negara itu baru-baru ini.

Terdahulu pada konvensyen itu, Dr. Mahathir merasmikan Ekspo Perdagangan Dunia Melayu Dunia Islam dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian projek Menara Taming Sari antara Kerajaan negeri Melaka dengan syarikat WRA Global Group Sdn. Bhd.